

**KESEDARAN TENTANG ISU BULI DALAM
KALANGAN GURU SANDARAN
TIDAK TERLATIH (GSTT)**

RAHIMAH BINTI ROSLAN

MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2016

KESEDARAN TENTANG ISU BULI DALAM KALANGAN GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan, kesedaran, dan kesediaan berhadapan isu buli, serta pandangan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) mengenai langkah-langkah berkesan menangani masalah buli yang berlaku di sekolah. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kualitatif. Dapatkan mengenai kesedaran buli diperolehi melalui temu bual dan disokong oleh data senarai semak. Seramai 10 orang GSTT yang mengikuti Program Diploma Pendidikan ambilan 2012/2013 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dipilih sebagai responden, manakala 50 orang GSTT sebagai responden senarai semak. Hasil kajian menunjukkan bahawa GSTT sememangnya sedar akan masalah buli yang berlaku di sekolah, namun pengetahuan tentang buli yang tidak mendalam menyebabkan mereka tidak yakin untuk berhadapan dengan masalah ini. Oleh itu mereka menyerahkan sepenuhnya tanggung jawab berhadapan dengan masalah buli kepada guru disiplin, guru kaunseling, dan pengetua sekolah. Hasil kajian juga mendapati GSTT mempunyai kesedalian untuk bekerjasama membanteras masalah buli di sekolah. Namun perlu diadakan program tertentu seperti ceramah, motivasi, dan kursus bagi menangani buli demi meningkatkan keyakinan dan kemahiran mereka berhadapan dengan masalah buli. Rumusannya kesedaran mengenai tingkah laku buli dalam kalangan GSTT perlu ditingkatkan kerana pengetahuan yang kurang menyebabkan GSTT tidak bersedia untuk berhadapan sendiri dengan masalah buli yang berlaku di sekolah.

AWARENESS OF BULLYING ISSUE AMONGST NON-TRAINED TEMPORARY TEACHER

ABSTRACT

This study aims to identify the knowledge, awareness, and willingness to handle bullying issue as well as view of non-trained temporary teachers on effective measures to deal with the problem of bullying in schools. The study used qualitative methods. The findings about bullying awareness obtained through interviewed and supported by data checklist. A total of 10 non-trained temporary teachers who attended the Diploma in Education intake 2012/2013 in Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) were selected as respondents, while 50 non-trained temporary teachers as respondents checklist. The results showed that non-trained temporary teachers are indeed aware of the problem of bullying occurring in schools, but knowledge about bullying was still superficial, thus they lacked the confidence to confront the bullying problem. This led them to hand the responsibility of dealing with the problem to discipline teachers, school counselor, and principal. The study also found that non-trained temporary teachers were prepared to cooperate in eliminate the problem of bullying in schools. However, specific programmes such as lectures, motivation, and courses to deal with bullying ought to be organised to increase non-trained temporary teachers' confidence and skills in dealing with bullying. In conclusion, awareness of bullying among non-trained temporary teachers still need to be improved because of lack of knowledge about bullying will lead to lack of awareness among non-trained temporary teachers to deal with the problem taking place in school.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii

BAB 1

PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	11
1.4	Objektif Kajian	16
1.5	Persoalan Kajian	17
1.6	Rasional Kajian	17
1.7	Kepentingan Kajian	20
1.8	Skop Kajian	22
1.9	Limitasi Kajian	22
1.10	Definisi Istilah	23
a.	Kesedaran	23

b.	Buli	25
c.	Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT)	27
1.11	Pendekatan Teori	28
1.11.1	Teori Interaksionisme Simbolik	28
1.11.2	Teori Konflik	34
1.11.3	Teori Label	40
1.12	Kerangka Konseptual Kajian	45
1.13	Rumusan	50

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	51
-----	------------	----

2.2	Definisi Tingkah Laku Buli	53
2.3	Jenis Tingkah Laku Buli	58
2.4	Faktor Tingkah Laku Buli	67
2.4.1	Faktor Keluarga	67
2.4.2	Faktor Guru dan Sekolah	70
2.4.3	Faktor Rakan Sebaya	73
2.4.4	Faktor Persekutaran	76
2.5	Ciri-ciri Pembuli	78
2.6	Ciri-ciri Mangs Buli	82

2.8	Langkah Menangani Buli	89
2.9	Teori-Teori Berkaitan Masalah Buli	92
2.9.1	Teori Interaksionisme Simbolik	92
2.9.2	Teori Konflik	99
2.9.3	Teori Label	105
2.10	Rumusan	110

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	111
3.1	Reka Bentuk Kajian	112
3.1.1	Penyelidikan Kualitatif	112
3.1.2	Kajian Kes	118
3.2	Persampelan	118
3.3	Responden Kajian	121
3.4	Tempat Kajian	124
3.5	Instrumen Kajian	124
3.5.1	Temu Bual	125
3.5.2	Senarai Semak	127

3.6	Aspek Triangulasi	130
3.7	Kajian Rintis	133
3.8	Pengumpulan Data	136
3.9	Kaedah Penganalisan Data	138
3.9.1	Analisis Temu Bual	139
3.9.2	Analisis Senarai Semak	141
3.10	Kesahan dan Kebolehpercayaan	143
3.11	Etika Kerahsiaan	146
3.12	Rumusan	147

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	148
4.2	Analisis Kajian rintis	149
4.3	Latar Belakang Responden	162
4.3.1	Latar Belakang Responden 1 (R1)	162
4.3.2	Latar Belakang Responden 2 (R2)	163
4.3.3	Latar Belakang Responden 3 (R3)	163
4.3.4	Latar Belakang Responden 4 (R4)	163

4.3.5 Latar Belakang Responden 5 (R5)	164
---------------------------------------	-----

4.3.6 Latar Belakang Responden 6 (R6)	164
---------------------------------------	-----

4.3.7 Latar Belakang Responden 7 (R7)	164
---------------------------------------	-----

4.3.8 Latar Belakang Responden 8 (R8)	165
---------------------------------------	-----

4.3.9 Latar Belakang Responden 9 (R9)	165
---------------------------------------	-----

4.3.10 Latar Belakang Responden 10 (R10)	165
--	-----

4.4 Dapatan Temu Bual	166
-----------------------	-----

4.4.1. Objektif 1 : Pengetahuan GSTT Mengenai Buli	166
--	-----

4.4.1.1 Soalan 1: Kefahaman Responden Mengenai Buli	166
---	-----

4.4.1.2 Soalan 2: Jenis-Jenis Buli Mengikut Pengetahuan GSTT	170
--	-----

4.4.1.3 Soalan 3: Ciri-ciri Pembuli dan Mangsa Buli	173
---	-----

4.4.1.4 Soalan 4: Sebab Seseorang itu Membuli	177
---	-----

4.4.2 Objektif 2 : Kesedaran GSTT Mengenai Buli	181
---	-----

4.4.2.1 Soalan 1 : Pendapat responden mengenai masalah buli	181
---	-----

4.4.2.1 Soalan 1 : Pendapat responden mengenai masalah buli	181
---	-----

4.4.2.2 Soalan 2 : Keterlibatan GSTT dalam menangani buli	185
---	-----

4.4.2.3 Soalan 3 : Pihak yang bertanggung jawab terhadap buli	190
---	-----

4.4.2.4 Soalan 4 : Pandangan GSTT terhadap tingkah laku buli	194
--	-----

4.4.2.5 Soalan 5 : Pendapat GSTT tentang kesedaran buli	197
---	-----

4.4.3	Objektif 3 : Kesediaan GSTT Menangani Buli	201
4.4.3.1	Soalan 1 : Tindakan apabila melihat buli	201
4.4.3.2	Soalan 2 : Keperluan GSTT menghadapi buli	204
4.4.3.3	Soalan 3 : Peranan GSTT membendung buli	207
4.4.3.4	Soalan 4 : Langkah menangani buli	210
4.5	Dapatkan Senarai Semak	214
4.5.1	Jantina	214
4.5.2	Objektif 1 : Pengetahuan Mengenai Buli	214
4.5.2.1	Maksud dan Definisi Buli	214
4.5.2.2	Jenis-Jenis Buli	217
4.5.2.3	Sifat Mangsa Buli	218
4.5.2.4	Sifat Pembuli	220
4.5.2.5	Faktor Kejadian Buli	222
4.5.3	Objektif 2 : Kesedaran Mengenai Buli	224
4.5.3.1	Kesedaran GSTT Mengenai Buli	224
4.5.4	Objektif 3 : Kesediaan GSTT Menangani Buli	227
4.5.4.4	Kesediaan GSTT berhadapan masalah Buli	227
4.6.	Rumusan	229

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	230
5.2	Ringkasan Kajian	231
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	231
5.3.1	Pengetahuan GSTT Mengenai Buli	231
a)	Definisi Buli	231
b)	Jenis-Jenis Buli	234
c)	Ciri-Ciri Pembuli dan Mangsa Buli	236
d)	Sebab Seseorang Membuli	238
5.3.2	Kesedaran Mengenai Buli	242
5.3.3	Persediaan GSTT Menangani Masalah Buli	246
5.4	Implikasi Kajian	250
5.5	Implikasi Teori	251
5.5.1	Teori Interaksionisme Simbolik	251
5.5.2	Teori Konflik	255
5.5.3	Teori Label	258
5.6	Cadangan Kajian Akan Datang	261
5.7	Rumusan	263
	RUJUKAN	264
	LAMPIRAN	280

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
2.1 Profil Diri Mangsa Buli	83
3.1 Bilangan GSTT Mengikut Program yang Ditawarkan	123
3.2 Pemilihan Responden berdasarkan program yang mempunyai bilangan pelajar tertinggi	123
4.1 Taburan bilangan responden mengikut jantina bagi Senarai Semak	214
4.2 Peratus responden setuju dan tidak setuju bagi maksud dan definisi buli.	216
4.3 Peratus responden setuju dan tidak setuju bagi jenis-jenis buli.	217
4.4 Peratus responden setuju dan tidak setuju bagi sifat mangsa buli.	219
4.5 Peratus responden setuju dan tidak setuju bagi sifat pembuli	221
4.6 Peratus responden setuju dan tidak setuju bagi faktor kejadian buli.	223
4.7 Peratus responden setuju dan tidak setuju bagi kesedaran GSTT mengenai buli.	226
4.8 Peratus responden setuju dan tidak setuju bagi persediaan GSTT menangani buli.	228

SENARAI RAJAH

Rajah

1.1

Kerangka Konseptual Kajian

Tajuk

45

Halaman

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi istilah yang terdapat dalam kajian ini. Perkara-perkara tersebut dijelaskan dalam bab ini untuk lebih memahami serta menghuraikan berkaitan tentang tajuk kajian yang akan dijalankan. Penyelidik dapat menjadikan perkara-perkara tersebut sebagai garis panduan untuk menentukan kaedah kajian yang akan digunakan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Jika dahulu, pada era tahun 1980-an, nama ‘Serdang Heli’ amat ditakuti oleh kebanyakan penuntut Universiti Pertanian ketika itu. Sebut sahaja nama ‘Serdang Heli’, masing-masing kecut perut mengenangkan kekejaman kumpulan itu apabila melakukan budaya ‘ragging’ ke atas penuntut baru sehingga menyebabkan kematian pelajar suatu masa dahulu. Kumpulan yang dimonopoli oleh pelajar senior berketurunan India, turut mensasarkan pelajar baru dari keturunan yang sama. Mangsa ‘ragging’ kumpulan ini biasanya akan meminta melakukan pusingan ‘helikopter’, menyebabkan mangsa muntah-muntah dan berasa pening. Lebih kejam lagi, satu kes menyebabkan kematian apabila seorang pelajar lelaki maut kerana kemaluannya diikat dengan tali pada kipas yang berpusing oleh kumpulan ini



05 (Kamarulzaman et. al. 2006).



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bagi tahun 2014 dan kebelakangan ini, pelbagai berita tentang buli bukan sahaja boleh kita baca di dada-dada akhbar, malah dapat ditonton di laman-laman sosial seperti *Facebook* dan *YouTube*. Malah, lebih menyedihkan lagi insiden buli bukan sahaja berlaku dalam kalangan pelajar lelaki tetapi pelajar perempuan turut terlibat dalam masalah buli ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Antara contoh kes buli yang berlaku sekitar tahun 2013 dan 2014 termasuklah:

Kes 1: Harian Metro bertarikh 8 November 2014

Tiga buah video klip kes buli yang melibatkan pelajar sekolah telah menjadi viral di laman sosial *Youtube*. Video klip yang pertama melibatkan sekumpulan remaja perempuan dipercayai berlaku di Kelantan. Dalam rakaman berdurasi kira-kira enam minit itu, kelihatan seorang remaja dibelasah oleh sekumpulan lima hingga tujuh remaja lain tanpa belas kasihan. Sepanjang kejadian, mangsa bukan sahaja ditarik rambutnya, malah disepak dan ditampar sehingga terjatuh secara bergilir-gilir. Dua lagi video klip pula membabitkan sekumpulan pelajar lelaki di sebuah asrama di Pontian, Johor pada tahun 2010 dan satu lagi di sebuah sekolah anak yatim di Kangar,



05-4506832 Perlis pada Jun 2014. Dalam kejadian pertama, suspek utama diketuai seorang remaja lelaki yang memakai singlet hitam telah dikenakan hukuman buang sekolah pada Ogos 2011. Dalam kejadian kedua, siasatan lanjut polis membawa kepada penahanan suspek berusia antara 13 hingga 15 tahun dan kes telah didakwa di Mahkamah majistret Kangar dibawah Seksyen 147 Kanun Keseksaan, pada 5 November 2014 yang lalu.

Kes 2: Harian Metro bertarikh 29 Ogos 2014

Tindakan seorang pelajar sekolah salah sebuah daerah di Johor memuat naik rakaman buli dan pukul rakan sekolahnya di laman sosial YouTube dengan sebatang kayu memakan diri apabila empat remaja ditahan polis. Video yang berdurasi 2 minit 20 saat itu berlaku di tepi kebun kelapa sawit, di Air Hitam pada 14 Ogos 2014, kira-kira





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

jam 5 petang. Kejadian itu dipercayai berpunca daripada perebutan teman wanita. Seorang daripada suspek menghubungi mangsa memintanya pergi ke kawasan tersebut. Apabila mangsa sampai, suspek terus menolak mangsa dan kejadian pukul berlaku.

Kejadian disaksikan dan dirakam rakan-rakan remaja dengan menggunakan telefon bimbit dan kini menjadi viral dalam laman sosial itu. Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Azman Ayob berkata, remaja berusia antara 14 dan 15 tahun itu ditahan di rumah mereka di beberapa kampung dekat Air Hitam.

Kes 3: Daripada laman sesawang <http://www.astroawani.com> dilayari pada 29 Oktober 2014



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kejadian berlaku di Kulim, Kedah. Ibu kepada seorang pelajar lelaki di sebuah sekolah menengah di Kulim yang dikatakan dibuli sekumpulan pelajar sekolah itu melahirkan rasa kecewa dengan pihak sekolah yang tidak mengambil tindakan terhadap pelajar terbabit, tetapi sebaliknya menggantung persekolahan anaknya.

Yuszaidah Yusuf, 41, menyatakan bahawa anaknya Mohd Afiq Afifuddin Mohd Tajuddin, 17, pelajar Tingkatan Lima sekolah itu, diserang dan dicederakan sekumpulan pelajar ketika dia berada dalam sebuah bilik air di sekolah tersebut jam 10.45 pagi pada 8 Oktober 2014. Apa yang menyebabkan dia keliru adalah apabila anaknya yang bengkak di muka dan bahagian mata kiri serta lebam di belakang badan pula dihukum pihak sekolah kerana dikatakan punca masalah dan dihukum gantung pengajian seminggu.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Beliau dan suaminya dimaklumkan seorang guru sekolah tersebut yang anak sulungnya itu dirawat di Bilik Kecemasan, Hospital Kulim pada hari kejadian dan dimaklumkan guru berkenaan bahawa anaknya itu terjatuh dalam bilik air. Keluarga berkenaan memohon Kementerian Pendidikan supaya memberi pertimbangan lebih wajar berhubung masa depan anak mereka yang cedera akibat dibuli tetapi dikenakan tindakan tatatertib. Sementara itu, Pegawai Pelajaran Daerah Kulim Abdul Aziz Muhammad berkata pihaknya sedang menyiasat kes tersebut.

Kes 4: Harian Metro bertarikh 10 April 2013

Polis Pulau Pinang telah membuka kertas siasatan berhubung kes buli pelajar di



sebuah sekolah menengah di negeri itu pada awal Mac 2013 serta klip rakamananya kini telah tersebar luas di laman sosial *YouTube*. Rakaman selama 1 minit 32 saat itu memaparkan seorang remaja berpakaian seragam sekolah telah dibelasah sekumpulan remaja lain dipercayai rakan sekolahnya di dalam sebuah bilik.

Mangsa dilihat tidak melawan walaupun telah diserang bertubi-tubi oleh remaja yang memakai baju T berwarna kelabu dalam rakaman itu. Turut kelihatan di dalam klip itu ialah dua lagi remaja lain yang turut sama membelasah mangsa tanpa rasa belas kasihan dan menggunakan objek keras. Dipercayai pergaduhan itu disaksikan oleh lebih daripada lima orang dan kebanyakan mereka hanya tertawa dan tidak membantu meleraikan pergaduhan tersebut walaupun mangsa dipukul dengan teruk. Namun tindakan tiga pelajar yang membuli pelajar tersebut telah dikenakan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

tindakan tegas dengan hukuman buang sekolah oleh pihak sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah.

Kes 5: Berita Harian bertarikh 18 April 2013

Satu lagi kes buli telah berlaku di sebuah sekolah menengah dan kali ini ia berlaku di Miri, Sarawak. Tingkah laku buli yang dilakukan oleh sekumpulan pelajar telah dirakamkan selama 1 minit 40 saat dan disiarkan di *YouTube*. Rakaman tersebut memaparkan aksi kejam sekumpulan pelajar tersebut menumbuk muka mangsa, menampar serta menendang mangsa secara berulang kali dalam bilik asrama sekolah terbabit.



05-4506832



Tindakan sewajarnya telah dikenakan terhadap beberapa pelajar kaki buli yang merupakan ‘pelakon’ utama dalam rakaman video yang tersebar di *YouTube* membabitkan sekumpulan pelajar sebuah sekolah menengah di Miri Sarawak menurut laporan akhbar Berita Harian tersebut.

Jurucakap Jabatan Pelajaran Daerah Miri ketika mengesahkan perkara itu berkata, kejadian itu membabitkan pelajar sebuah sekolah menengah vokasional dan tindakan sudah diambil oleh pihak pengurusan sekolah itu. Menurutnya beberapa pegawai dari pejabat Pelajaran Daerah Miri menemui pengurusan sekolah berkenaan apabila beberapa pelajar yang dipercayai terbabit dalam insiden itu sudah diambil tindakan sewajarnya termasuk dibuang sekolah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**Kes 6 : Melalui laman sosial *Facebook* rasmi Polis Diraja Malaysia (PDRM)
bertarikh 1 Mei 2013**

Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerima sebuah video klip memaparkan seorang remaja perempuan dipercayai pelajar sekolah menengah dibuli oleh enam remaja perempuan lain. Hasil semakan polis mendapati kejadian buli berkenaan berlaku di Kota Tinggi, Johor pada Januari 2013 dan telah berjaya diselesaikan.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Supritendan Mohd Nor Bin Rashid berkata, enam remaja perempuan berumur di antara 15 hingga 16 tahun telah ditangkap berhubung kejadian buli terhadap pelajar perempuan berusia 14 tahun berkenaan.



05-4506832 Pelajar yang ditangkap telah dijatuhan hukuman denda sebanyak RM 500 dan dibayar kepada mangsa selain diikat jamin berkelakuan baik selama tiga tahun serta dikehendaki melaporkan diri kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setiap bulan selama dua tahun.

Kes buli berkenaan menjadi perhatian ramai selepas rakaman video insiden itu disebarluaskan dalam laman sosial *Facebook* selain laman perkongsian video *YouTube* sehingga mendapat komen negatif pelbagai pihak yang kesal dengan kejadian itu.

Kes 7 : Harian Metro bertarikh 29 Jun 2010

KUALA LUMPUR: Seorang pelajar Maktab Tentera Diraja (MTD) Sungai Besi di sini, yang didakwa dibuli sekumpulan pelajar senior meninggal dunia selepas kepalanya terhantuk pada lantai sejurus ditendang pelajar senior sehingga tidak sedarkan diri. Difahamkan, sebelum kejadian, mangsa yang berusia 16 tahun dipanggil sekumpulan pelajar senior dan dipaksa menjalani hukuman tekan tubi berulang kali sebelum ditendang.

Susulan kejadian itu, pelajar malang berkenaan, Mohammad Naim Mustaqin Mohamad Sobri, segera diberikan rawatan kecemasan di Pusat Perubatan Angkatan



Tentera (PPAT), Kem Sungai Besi, tetapi disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan di situ kira-kira jam 1.20 pagi. Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Datuk Ku Chin Wah berkata, seorang anggota tentera yang bertugas di MTD menerima maklumat pada jam 12.15 tengah malam kelmarin yang memaklumkan bahawa mangsa ditemui pengsan di biliknya. Beliau berkata, mangsa kemudian segera dihantar ke PPAT dan diberikan rawatan kecemasan sebelum disahkan meninggal dunia, kira-kira 50 minit kemudian. "Siasatan awal mendapati mangsa dipaksa menjalani hukuman tekan tubi pada kira-kira jam jam 10.45 malam oleh sekumpulan pelajar senior. Ketika dalam keadaan tekan tubi, seorang daripada pelajar senior terbabit didakwa menendang perut Mohammad Naim dengan kuat menyebabkan mangsa yang cuba berdiri dan berjalan gagal mengimbangi badan sebelum terjatuh dan kepalanya terhentak ke lantai sehingga tidak sedarkan diri," katanya.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Beliau berkata, mayat mangsa sudah dihantar ke Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) untuk bedah siasat sejurus disahkan meninggal dunia. Bagaimanapun, polis masih menunggu hasil laporan bedah siasat untuk mengenal pasti punca kematian mangsa. “Setakat ini, polis sudah membuka kertas siasatan dan menyiasat kes kematian pelajar terbabit mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana kesalahan membunuh,” katanya. Sementara itu, Seksyen Perhubungan Media, Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertahanan dalam kenyataannya semalam menyatakan, kejadian berkenaan sudah dilaporkan di Balai Polis Sungai Besi pada jam 2 pagi semalam. Menurutnya, satu lembaga siasatan turut ditubuhkan MTD untuk mengenal pasti punca kejadian. “Beberapa pelajar yang dikenal pasti ada bersama Allahyarham ketika kejadian dipanggil untuk membantu siasatan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kesimpulannya, buli bukan cerita baru tetapi kerap dilaporkan di media tetapi masih sukar dibendung. Bukan setakat membuli tetapi mereka kini lebih berani apabila aksi mereka disiarkan di *Youtube*. Berdasarkan kes-kes yang dinyatakan, buli fizikal iaitu menendang, menampar, menarik rambut, memukul dengan kayu atau objek keras, dan menumbuk adalah tindakan sering dilakukan pembuli. Tingkah laku buli yang melibatkan sekumpulan pelajar sekolah menengah ini turut dilakukan di dalam kelas, di dalam tandas, di bilik asrama, dan di tempat-tempat sunyi. Pelajar-pelajar yang terlibat bukan berseorangan tetapi mereka mempunyai kumpulan mereka sendiri dimana ada diantara mereka yang hanya tertawa dan tidak membantu mangsa, malah merakamkan aksi-aksi buli melalui telefon bimbit.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Kecanggihan teknologi masa kini membuatkan semua pihak bukan sahaja boleh menyaksikan rakaman buli yang berlaku malah boleh memberi pelbagai komen negatif terhadap kejadian buli yang disaksikan. Namun, yang menjadi kebimbangan ketika ini, kejadian buli seolah-olah tidak terkawal dan semakin serius sehingga menjadi tontonan umum di laman sosial seperti *Facebook* dan *YouTube*. Kalau dahulu “rangging” di sekolah lebih bersifat untuk menaman perasaan hormat dan memupuk semangat silatulrahim antara pelajar senior dan junior. Akan tetapi pada masa kini, masing-masing mahu menunjukkan kekuasaan mereka dan menanam perasaan takut antara sesama pelajar.

Kes-kes buli yang dipaparkan adalah merupakan kes-kes buli yang berlaku sekitar tahun 2013 dan 2014, dimana ia membuktikan bahawa masalah buli di sekolah



merupakan suatu masalah disiplin yang masih tiada jalan penyelesaian. Jelasnya langkah mengatasi yang seakan tenggelam timbul mengikut musim tanpa tindakan dan perancangan yang jelas punca utama kepincangan dalam menangani masalah buli di sekolah.

Pemantauan guru sering dipersoalkan malah guru sering dipersalahkan setiap kali masalah ini timbul. Ironinya, semua guru sebenarnya adalah guru disiplin. Lantaran itu guru bertanggung jawab dalam mendisiplinkan pelajar memandangkan mereka golongan yang sentiasa mendampingi pelajar apatah lagi di sekolah berasrama. Hal yang demikian, suatu langkah awal perlu dilakukan supaya masalah ini dapat di bendung.





1.3 Pernyataan Masalah

Peningkatan jumlah kejadian buli oleh pelajar di sekolah telah menimbulkan kebimbangan segenap lapisan masyarakat lebih-lebih lagi apabila tindakan buli semakin menjadi topik sensasi di media-media sosial seperti *Youtube*, *Facebook*, dan sebagainya. Sayangnya kita sering melihat sebilangan pihak hanya bertindak menuding jari mencari siapa yang bersalah tanpa mengembel tenaga dan usaha bagi mencari formula dan tindakan untuk menyelesaikan masalah ini. Ada yang menyalahkan ibu bapa kerana dianggap cuai mendidik anak-anak mereka di rumah. Malah, sering kali pula guru-guru dipersalahkan kerana tidak dapat mendisiplinkan pelajar mereka di sekolah. Bagi menangani masalah ini, kita perlu memahami apakah sebenarnya yang dikatakan ‘buli’? Adakah pihak sekolah menyedari kewujudan



masalah-masalah ini dan adakah guru-guru mempunyai kesedaran dan kesediaan untuk menangani buli?

Kallestad dan Olweus (2003) mendapati faktor-faktor yang meramal sejauh mana guru melaksanakan pencegahan buli dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti pandangan guru mengenai kepentingan kakitangan pentadbiran sekolah mengatasi masalah buli, jumlah maklumat mengenai buli yang mereka baca, persepsi mereka terhadap masalah buli di sekolah, pengalaman peribadi mereka sebagai mangsa buli serta emosi mereka yang berkaitan dengan masalah buli.

Oleh itu, kajian kesedaran mengenai buli dalam kalangan guru sandaran tidak terlatih (GSTT) perlulah dijalankan untuk melihat sejauh mana kesedaran mengenai buli dalam kalangan guru, memandangkan guru sandaran tidak terlatih (GSTT)





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

merupakan guru yang pernah mengajar di sekolah lebih daripada 2 tahun dan semestinya mempunyai sedikit pengalaman dalam berdepan dengan masalah buli di sekolah. GSTT merupakan guru permulaan dalam sebuah sistem pendidikan di sekolah. Hal yang demikian pengetahuan tentang isu buli dan kemahiran menangani buli di sekolah perlu ada dalam setiap guru permulaan.

Guru sandaran tidak terlatih (GSTT) dipilih kerana kesedaran yang mendalam dan langkah awal yang diperolehi daripada hasil kajian ini akan menghilangkan kekaburuan guru mengenai buli. Rawson (1993) menyimpulkan bahawa kekaburuan guru mengenai buli adalah sebab utama insiden buli banyak berlaku. Kajian mendapati bahawa kepercayaan guru mengenai buli mempengaruhi keupayaan guru menangani masalah buli di sekolah. Malah, sebahagian besar guru menganggap buli



05-4506832



sebagai ancaman fizikal (Boulton; 1997).

Perpustakaan Tuanku Bainun
Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Townsend.W. (2001) mendapati bahawa guru mempunyai pemahaman buli yang terhad. Hal yang demikian, kajian kesedaran mengenai buli ini perlu dilaksanakan supaya langkah awal dapat dihasilkan dan segala kekaburuan guru mengenai buli akan dapat diatasi melalui hasil kajian yang diperolehi.

Kegagalan pihak sekolah bertindak pantas dan telus dalam isu ini mendorong meluasnya masalah ini. Sikap acuh tidak acuh guru-guru sekolah mengenai masalah buli di sekolah menyebabkan pelajar semakin berani melakukan buli di sekolah. Malah ketiadaan program-program menangani masalah buli di sekolah menjadikan masalah buli ini terus membimbangkan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi